



PENURUNAN KADAR KESUBURAN DI MALAYSIA

KESUBURAN

TFR merupakan indikator demografi yang digunakan untuk menganggarkan purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang perempuan selama tempoh reproduktifnya (15-49 tahun).



*Berdasarkan kepada United Nations (UN), paras penggantian kesuburan adalah pada 2.1 anak bagi setiap perempuan. Nilai ini mewakili purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang perempuan dengan menanggung seorang anak perempuan yang hidup sehingga anak tersebut melahirkan anak. Jika paras penggantian kesuburan kekal dalam tempoh yang panjang, setiap generasi secara tepat akan menggantikan dirinya tanpa mengambil kira migrasi penduduk (Principle and Recommendation for a Vital Statistics, Revision 3).




TFR tertinggi direkodkan mengikut negeri ialah Terengganu (2.9), diikuti Kelantan (2.7) dan Pahang (2.1), iaitu negeri-negeri di Pantai Timur Malaysia. W.P. Kuala Lumpur pula merekodkan TFR terendah di Malaysia iaitu 1.2.

| Bumiputera | | Cina | India | Lain-lain |
|------------|-----------------|------|-------|-----------|
| Melayu | Bumiputera Lain | | | |
| 2.1 | 1.7 | 0.8 | 1.1 | 1.2 |

TFR tertinggi direkodkan oleh Melayu iaitu 2.1 anak pada 2022. Manakala, Cina merekodkan TFR terendah iaitu 0.8 anak

KELAHIRAN

Kelahiran hidup merujuk kepada kelahiran bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika dan kadar kelahiran kasar (CBR) merujuk kepada bilangan kelahiran hidup bagi setiap seribu penduduk.



2022

Kelahiran hidup : **423,124**
 Bayi Lelaki : **218,345 (51.6%)**
 Bayi Perempuan : **204,779 (48.4%)**

Purata umur ibu **27.9 tahun**
 *purata umur ibu pada kelahiran pertama di kalangan **155,403** ibu

Purata kelahiran hidup 1 bayi lahir setiap minit **48** bayi setiap jam
1,159 bayi setiap hari

Kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Malaysia, 2022
 *CBR (crude birth rate)

| Daerah Pentadbiran | CBR TERTINGGI | Daerah Pentadbiran | CBR TERENDAH |
|------------------------------|---------------|--------------------------|--------------|
| Song, Sarawak | 24.3 | Kinabatangan, Sabah | 4.6 |
| Kuala Terengganu, Terengganu | 24.3 | Kalabakan, Sabah | 5.8 |
| Setiu, Terengganu | 23.6 | Timur Laut, Pulau Pinang | 6.3 |
| Marang, Terengganu | 22.8 | Beluru, Sarawak | 6.9 |
| Besut, Terengganu | 22.6 | Telang Usan, Sarawak | 8.7 |



Sumber : Perangkaan Penting Malaysia, 2023

HASIL PENEMUAN TINJAUAN PENDAPAT NEGERI SARAWAK



“Isu Kesuburan dalam Kalangan Masyarakat di Negeri Sarawak”

Kadar Kesuburan Jumlah (Total Fertility Rate–TFR) di negeri Sarawak sedang menurun dengan drastik. Berdasarkan data yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), TFR di negeri Sarawak telah menurun dari 2.2 pada tahun 2010 kepada 1.5 pada tahun 2020, dan kini berada di bawah paras penggantian (2.0). Dengan kadar kelahiran di antara yang rendah berbanding negeri lain, isu penambahan penduduk dan kesedaran mengenai isu kesuburan dalam kalangan wanita wajar dijadikan wadah pembangunan sosial utama oleh pihak Kerajaan, khususnya Kerajaan Negeri. Peka akan situasi ini, LPPKN telah menjalankan satu kajian tinjauan pendapat bagi (i) mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat khususnya dalam masyarakat setempat mengenai isu kesuburan; dan (ii) mendapatkan maklum balas mengenai keperluan untuk mewujudkan satu pusat rawatan kesuburan di negeri Sarawak termasuk lokasi dan kos rawatan yang bersesuaian.

Pengetahuan dan Kesedaran Berkaitan Permasalahan Kesuburan

-  **67.4%** responden pernah dengar mengenai permasalahan berkaitan kesukaran mendapatkan cahaya mata dalam komuniti atau kehidupan masing-masing.
-  **86.6%** peka bahawa masalah kesuburan bukan hanya disebabkan oleh faktor wanita sahaja.
-  **61.2%** bersetuju bahawa gaya hidup dan tabiat pemakanan tidak sihat menjadi faktor utama peningkatan kadar ketidaksuburan dalam kalangan masyarakat

Permasalahan Kesuburan Dalam Masyarakat

-  **12.6%** pasangan pernah atau sedang mengalami masalah kesuburan dan sukar untuk hamil dalam tempoh 1 tahun selepas berkahwin.
-  **62.3%** mengalami kesukaran untuk mendapatkan rawatan kesuburan. Antara kesukaran dihadapi ialah:
 - 63.4%** kos rawatan yang tinggi;
 - 18.3%** lokasi hospital atau klinik yang menawarkan perkhidmatan jauh dari tempat tinggal; dan
 - 15.5%** prosedur rawatan yang terlalu lama dan menyusahkan.



65.0% bersetuju supaya Kerajaan mempertimbangkan pengeluaran KWSP dibenarkan untuk mendapatkan rawatan kesuburan.

Perkhidmatan di Premis/Fasiliti LPPKN



27.7% peka akan perkhidmatan rawatan kesuburan yang ditawarkan oleh LPPKN; dan

Hanya 11.4% pernah datang ke premis/fasiliti LPPKN untuk mendapatkan sebarang perkhidmatan kesihatan termasuk rawatan kesuburan.

94.0% responden menyatakan perlu diwujudkan satu pusat rawatan kesuburan dengan anggaran kos rawatan yang berpatutan dan sanggup dibayar oleh masyarakat iaitu di antara **RM1,000 – RM5,000 (89.9%) sahaja.**

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN



IUI

Permainan beradas (Intra-Uterine Insemination)



IVF

Teknologi bantuan konsepsi (In-Vitro Fertilisation)



ICSI

Teknologi bantuan konsepsi (Intra-Cytoplasmic Sperm Injection)



PENYEJUKBEKUAN SPERMA DAN EMBRIO (Sperm/Embryo Cryopreservation)

LOKASI PERKHIDMATAN SUBFERTILITI LPPKN

Klinik Subfertiliti LPPKN (Ibu Pejabat) No.12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur.

Klinik Subfertiliti LPPKN Johor Baharu Pusat Keluarga LPPKN Negeri Johor, 29-37, Jalan Bestari 1 / 4, Jalan Nusa Bestari, 81300, Skudai, Johor.

Klinik Subfertiliti LPPKN Bertam, Pulau Pinang 8875, Jalan Bertam, 13200, Kepala Batas, Pulau Pinang

Metodologi kajian

Tinjauan melibatkan sejumlah 903 orang responden yang terdiri daripada 533 orang lelaki dan 370 orang wanita yang berumur 18 tahun dan keatas. Dapatan maklumat dijalankan dari November 2022 hingga Januari 2023 melalui soal selidik dalam talian.